

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (51)  
Tarikh : 14 Januari 2016

**Ketua Pengarah  
Malaysia Nanban**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN MALAYSIA NANBAN BERTAJUK "3 BERADIK TIDAK MEMPUNYAI SIJIL LAHIR" BERTARIKH 12 JANUARI 2016, SELASA– M.S: 3**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkit oleh Puan Kanniammal a/p Sinnappan berkaitan tiga orang anak beliau yang masih belum memiliki sijil kelahiran.

3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati Puan Kanniammal a/p Sinnappan tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan pendaftaran sijil kelahiran ketiga-tiga orang anak beliau iaitu Suresh Subramaniam, 20, Alaghentiran Subramanian, 20 dan Suresh Moorthi Subramaniam, 18 di mana-mana cawangan JPN.

4. Sehubungan dengan itu, pada 13.01.2016 pengadu telah hadir ke JPN Daerah Kuala Selangor dan telah diberikan 3 set borang daftar lewat untuk dilengkapkan. Kesemua borang yang telah lengkap diisi beserta dokumen-dokumen berkaitan perlulah dikemukakan di JPN Daerah Kuala Selangor bagi membolehkan permohonan daftar lewat kelahiran diproses berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)